

06/10/2002

Abdullah ditahan 29 jam kerana cop Iraq, Saudi

Sharifah Salwa Syed Akil

KUALA LUMPUR: Seorang lagi rakyat Malaysia mengalami pengalaman pahit di lapangan terbang di Amerika Syarikat apabila ditahan selama 29 jam 40 minit berikutan pasportnya menunjukkan beliau pernah mengunjungi Arab Saudi dan Iraq.

Timbalan Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Abdullah Abu Bakar (gambar), ditahan di Miami International Airport pada 15 September lalu ketika transit di situ bersama sembilan pemimpin MBM dalam perjalanan pulang dari Persidangan Pemimpin Belia Asia Pasifik di Mexico.

Bagaimanapun, sembilan rakannya itu, selepas diperiksa dan soal siasat, dibenarkan menaiki pesawat ke London sebelum kembali ke tanah air.

Abdullah, 40, memberitahu Berita Minggu, hanya beliau ditahan kononnya atas alasan keselamatan berikutan pasportnya meragukan kerana pernah berkunjung ke Arab Saudi, Iraq dan negara Islam lain serta Myanmar.

Katanya, beliau terpaksa menjalani pemeriksaan ketat, termasuk membuka kasut, menang galkan tali pinggang, buku catatannya diperiksa, diambil gambar dan filem dalam kameranya dirampas.

Beg pakaiannya yang berada dalam pesawat juga diarahkan dibawa keluar untuk diperiksa, manakala dokumen diri, termasuk kad pengenalan dibuat salinan.

"Dalam tempoh penahanan, saya hanya diberi makan sebiji burger dan sebotol air mineral bersaiz kecil selepas memintanya daripada anggota polis dan imigresen yang menahan saya.

"Bagaimanapun, saya bernasib baik kerana masih ada baki sebungkus mi segera dalam beg yang dibawa dari Malaysia. Sebungkus mi itulah menjadi penahan lapar selepas direndam dalam air paip," katanya.

Abdullah berkata, pasport, tiket penerbangan serta dokumen lain hanya diserahkan kepadanya sejurus tiba di London oleh kapten pesawat.

"Saya sukar menerima apa yang mereka lakukan terhadap saya. Mereka tidak seharusnya menjadikan kunjungan ke Arab Saudi dan Iraq sebagai alasan untuk menahan saya di lapangan terbang itu," katanya.

Beliau berkata, walaupun layanan yang diberikan pihak berkuasa Amerika Syarikat tidak begitu kasar, penahanannya itu seolah-olah beliau adalah penjenayah yang paling dikehendaki.

Katanya, beliau sudah memaklumkan perkara itu kepada Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, baru-baru ini.

Isnin lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengesahkan terpaksa membuka tali pinggang dan kasut di Lapangan Terbang Antarabangsa Los Angeles ketika dalam perjalanan ke New York, bulan lalu.

Keesokannya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menceritakan pengalamannya diperiksa pihak berkuasa Amerika Syarikat, malah lebih kasar berbanding yang dialami timbalannya.

Perdana Menteri mengalami peristiwa itu ketika singgah dengan pesawat kerajaan di New York dalam perjalanan ke Washington, Mei lalu. Ketika tiba di New York, pegawai keselamatan yang menaiki jet dengan nada keras berkata 'tidak siapa boleh bergerak sehingga diperiksa'.